

# Penguatkuasaan ordinar khas kekanng fitnah, berita palsu



Profesor Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh Prof Datuk Dr Ismail Sualman  
bhrencana@bh.com.my

**Ketika** berhadapan episod pandemik COVID-19, wujud pula lambakan berita palsu tersebar di media sosial. Banyak fakta salah dan sengaja disebarkan mengenai vaksin COVID-19 hingga mencetuskan keraguan, kebimbangan serta salah faham dalam masyarakat.

Tuduhan liar atau menggelarkan pemimpin serta barisan Menteri Kabinet melalui *name-calling* menjatuhkan reputasi dan imej. Jika dibiarkan berleluasa, fitnah serta penyebaran berita palsu sebegini boleh mengancam kestabilan negara, keselamatan masyarakat dan perpaduan kaum.

Ketika pihak berkuasa terutama barisan hadapan bertungkus-lumus mencegah dan menangani kes pandemik, wujud pula maklumat boleh mencemaskan dan menyebabkan tekanan emosi.

Hampir setiap minit kita menerima terlalu banyak maklumat berkaitan COVID-19 tetapi tidak pasti kebenaran dan kesahihan berita atau maklumat berkenaan.

Sebenarnya banyak maklumat berupa ingatan atau arahan benar dan sahih berkaitan COVID-19 disalurkan melalui media sosial, terutama Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kerajaan mengarahkan kita agar duduk di rumah untuk mencegah virus COVID-19 daripada terus merebak. Kita dapat membantu menjayakan misi untuk mengekang pandemik ini hanya dengan duduk di rumah.

Namun, kita turut menerima limpahan maklumat mencurigakan hingga tidak dapat membezakan fakta atau 'auta' mengenai COVID-19 sehinggalah sesetengah maklumat mengenai vaksin COVID-19 dianggap memberi kesan sampingan menyebabkan wujud keraguan. Walhal, vaksin yang kita nanti-nantikan di harap menjadi 'penawar dan pencegahan' pandemik berbahaya ini.

Ordinan Darurat Kuasa-kuasa Perlu (No. 2) 2021 digubal khusus bagi mengekang berita palsu khususnya menumpukan kesalahan berkaitan wabak COVID-19 dan proklamasi darurat.

Ordinan digubal khas menangani pandemik ini tidak akan diletakkan kesalahan di bawah akta lain seperti Akta Keselamatan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) atau Akta Hasutan.

Ordinan ini tidak akan diteruskan selepas proklamasi darurat berakhir, yang dijadual tamat 1 Ogos ini. Darurat ini tidak sama dengan darurat pernah dilaksanakan dahulu yang tiada tempoh akhir. Malah, ordinar terbabit mempunyai tempoh penguatkuasaan selama enam bulan sahaja selepas darurat tamat.

Ini termaktub dalam Perkara 150 Klausa 7 mengatakan jika ordinar darurat ini tak dibatalkan Parlimen lebih awal, tempoh hayatnya ialah enam bulan daripada tarikh berakhirnya darurat.

Ordinan itu tidak akan digunakan terhadap mereka didakwa sebelum ini berhubung berita palsu berkaitan COVID-19. Ini bermaksud ordinar terbabit digubal khas bagi memastikan maklumat benar dan sahih mengenai pengurusan pandemik diterima masyarakat.

Tiada hasrat lain berselindung di bawah ordinar itu dan tidak langsung berkaitan persoalan politik.

“Ini bermaksud ordinar terbabit digubal khas bagi memastikan maklumat benar dan sahih mengenai pengurusan pandemik diterima masyarakat”

Pihak meminta jaminan ordinar itu tidak akan disalah guna sebenarnya membangkitkan soalan bersifat politik.

Maka, tidak benar dakwaan ordinar itu diwartakan kerajaan dilihat memberi kuasa besar kepada kerajaan. Pihak tidak menyebarkan berita palsu tidak perlu bimbang. Namun, mereka dinasihatkan agar tidak mencetus dan menyebarkan berita berbau palsu serta jelek hingga menjatuhkan imej dan reputasi individu atau organisasi.

Untuk rekod beberapa kes berkaitan berita palsu di bawah seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak dapat didakwa ke muka pengadilan dek 'kelonggaran' klausa tertentu. SKMM berdepan 'bedilan berita palsu' pada 2021, sekali gus memerlukan penambahbaikan klausa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Menurut warta kerajaan, mana-mana pihak 'mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedarkan, mengelilingkan atau menyebarkan' berita tidak benar dalam bentuk rencana, visual, rakaman audio atau apa-apa bentuk lain boleh dikenakan tindakan.

Mereka disabit bersalah boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000, penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Ia juga memberi pihak berkuasa akses kepada data berkomputer dan pemeliharaan data trafik laman web.

Cuma diperlukan ialah penguatkuasaan ordinar atau undang-undang terhadap akta diluluskan. Kita mengharap kewujudan ordinar ini dapat menangani gangguan terhadap masyarakat yang terganggu dengan penyebaran fitnah dan pemboghongan.

Fitnah dan berita palsu mengenai COVID-19 serta darurat yang sarat dan memarah di media sosial menuntut usaha penguatkuasaan untuk mengekang penyebar fitnah dan berita palsu.

Pengubalan Ordinan Darurat Kuasa-kuasa Perlu (No. 2) 2021 itu memberi fokus dan usaha pemuliharaan dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berjalan dengan lancar dan jayanya.